

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan rangka pelan strategik yang berkesan dalam pelaksanaan Program Minda Sihat (PMS) bagi membendung isu kesihatan mental dalam kalangan murid sekolah yang semakin kritikal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada keseluruhan ekosistem pendidikan. KPM sentiasa prihatin dan peka terhadap kebajikan serta kesejahteraan murid dalam tempoh pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Dalam hal ini, KPM melaksanakan Program Minda Sihat Dalam Kebiasaan Baharu Tahun 2021. Program ini selari dengan Pelan Strategik Kebangsaan Kesihatan Mental Tahun 2020 - 2025 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Berdasarkan Pelan Strategik ini, KPM menyediakan panduan pelaksanaan Program Minda Sihat Dalam Kebiasaan Baharu Tahun 2021 sebagai rujukan kepada sekolah dalam melaksanakan program tersebut dengan terancang, sistematik dan bersesuaian dengan situasi semasa norma baharu.

Dua strategi utama program ini ialah meningkatkan kesedaran kepentingan kesejahteraan mental serta melaksanakan saringan dan intervensi minda sihat.

Strategi-strategi ini bertujuan meningkatkan kesedaran kepentingan penjagaan kesejahteraan diri, mengenal pasti gejala awal yang memberi kesan kepada minda akibat krisis yang berlaku, meningkatkan kemahiran gaya daya tindak murid dalam mengendalikan masalah emosi dan tingkah laku serta merujuk murid kepada klinik atau hospital dengan prosedur yang telah ditetapkan.

Melalui saringan minda sihat, Guru Bimbingan dan Kaunseling menyediakan profil murid yang dikenal pasti. Murid yang menunjukkan tanda amaran awal gangguan emosi atau 'red flag' seperti dipaparkan dalam Sistem Perkhidmatan Kaunseling Murid (SePKM) diberi bantuan segera oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling.

SOALAN NO : 33

Bagi murid yang menunjukkan tanda kecelaruan emosi seperti kemurungan dan kebimbangan yang teruk, pihak sekolah akan berbincang bersama-sama ibu bapa/penjaga untuk merujuk murid berkenaan kepada pakar perubatan di klinik kesihatan atau hospital berdekatan.

Selain itu, Program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) juga digunakan sebagai satu pendekatan dalam membantu meningkatkan kesejahteraan psikososial dan emosi murid. PRS ialah murid yang dilatih kemahiran asas komunikasi dan kaunseling serta berfungsi sebagai rakan sebaya yang bersedia membantu mereka yang memerlukan pertolongan. Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh PRS ialah bertanya khabar rakan, menyampaikan maklumat berkaitan serta membantu Guru Bimbingan dan Kaunseling menghulurkan bantuan kepada rakan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Usaha ini adalah seiring dengan falsafah PRS iaitu “Bantu Diri Untuk Bantu Orang Lain”.

KPM yakin Program Minda Sihat Dalam Kebiasaan Baharu ini dapat menyokong setiap murid dalam mengurus emosi dengan baik seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan minda dalam kalangan murid.